

Najib cuba tarik pelabur dengan janji ekonomi terbuka
Malaysian Insider
Jun 13, 2013
Oleh Zurairi AR

KUALA LUMPUR, 13 Jun – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkongsi visinya untuk ekonomi bebas dan terbuka, dalam cubaan menarik pelabur dalam dan luar negara selepas berjaya mengekalkan tempoh dua penggal perkhidmatannya dalam pilihan raya paling hangat.

Meletakkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai asanya, Najib menjelaskan impian beliau bagi penggal kedua adalah membina ekonomi yang mapan dengan menarik lebih banyak pelabur asing dan meningkatkan keperluan domestik.

“ETP mempunyai visinya dengan ekonomi yang hendak dibentuk,” katanya sewaktu ucapama Invest Malaysia 2013 di sini.

“Kami mahu melakukan semakan terhadap subsidi. Dan kami mahu kurangkan peranan negeri dalam syarikat persendirian, untuk elakkan pasaran tepu.”

Najib (gambar) turut bercakap soal meliberalkan sektor awam dan mengecilkan syarikat berkaitan kerajaan dan membuka ruang lebih besar untuk pelaburan.

Perdana menteri bagaimanapun mengakui beliau menghadapi pilihan sukar merombak subsidi, daripada kerajaan berikan kepada semua atau hanya mereka yang memerlukan bantuan.

“Bagi jangka masa sederhana, kita perlu menyediakan program tindakan afirmatif yang lebih mesra pasaran dan meritokrasi,” katanya.

Kerajaan membelanjakan RM42 bilion untuk subsidi tahun lepas, dan rancangan menurunkan kepada RM4 bilion tahun ini.

Dalam kempen pilihan raya, BN berjanji akan meningkatkan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) daripada RM500 kepada RM1,200 secara berperingkat bagi mereka berpendapatan kurang RM3,000 sebulan.

Sementara itu, Putrajaya dijangka akan mengecilkan fiskal defisit Malaysia kepada empat peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun ini dan tiga peratus menjelang 2015.

Janji kempen PRU parti pemerintah itu menerima kritikan pembangkang Pakatan Rakyat (PR) dan Najib turut mempertikaikan pembangkang hari ini, menyatakan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) melonjak lebih 100 mata selepas BN menang Pilihan Raya 2013.

“Saya merasakan jika itulah indikasinya pasaran menerima agenda ekonomi kami berbanding pembangkang,” kata Najib.

Laporan Bloomberg bulan lalu menyatakan kemenangan BN sewaktu Pilihan Raya Umum pada 5 Mei menyaksikan bond Malaysia dengan prestasi rakan-rakannya di Asia Tenggara.

Pada Mei, sekuriti kerajaan Malaysia menerima 0.3 peratus secara purata, berbanding bond

Filipina 0.8 peratus dan Thai pulangan sifar. Matawang tempatan di Singapura dan Indonesia menurun 2.4 peratus, lapor indeks HSBC Holdings Plc.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-cuba-tarik-pelabur-dengan-janji-ekonomi-terbuka/>